

Peringkat Perkembangan Konsep Kendiri Mengikut Pandangan Erikson Dan Peranan Perkembangan Kognitif Dalam Pembentukan Konsep Kendiri (Part 10)

Hasmadi Bin Hassan

3.1.3 Tahap operasi konkrit (7 – 11 tahun)

Perubahan kepada perkembangan kognitif seterusnya disebabkan oleh faktor kebolehan berfikir dengan logik. Tahap pemikiran kanak-kanak pada tahap ini tidak lagi bersifat egosentrik tetapi telah memahami sedikit unsur-unsur pemikiran logik. Mereka faham akan konsep nombor, berat, susunan dan padatan. Mereka juga faham akan perinsip pengekalan. Walaubagaimana pun mereka masih belum memahami atau bertaakul tentang perkara-perkara yang abstrak seperti konsep ketuhanan, keadilan makna hidup, hak asasi manusia dan sebagainya. Perkara-perkara seperti ini tidak boleh diobjekkan. Mereka hanya memahami konsep-konsep yang konkrit atau objektif seperti binatang, tumbuhan, kekotoran dan kesopanan. Dengan itu, Inhelder dan Piaget (1969) menegaskan yang kanak-kanak di tahap ini boleh melaksanakan setengah-setengah operasi ke atas objek lain tetapi tidak boleh beroperasi ke atas operasi atau proses fikirannya sendiri.

3.1.4 Tahap operasi formal (11 tahun dan keatas)

Tahap ini merupakan tahap terakhir perkembangan kognitif yang berlaku dari tahap remaja ke atas. Individu yang berada pada tahap ini berupaya menggunakan serta memahami logik dan konsep-konsep abstrak. Pada mereka yang muda, seperti mereka yang berada dalam lingkungan usia 12 – 13 tahun, mereka buat pertama kalinya akan memahami konsep-konsep abstrak yang menjadi asas kepada sains, matematik, etika, politik, keagamaan dan lain-lain. Mereka berkebolehan menguruskan unit yang bermakna, melakukan sintesis, penyeluruhan dan cuba membentuk hipotesis untuk mencari kesimpulan. Selain Piaget, pakar-pakar kognitif lain seperti Bruner, mengatakan bahawa perkembangan kognitif manusia mesti melalui tiga tahap iaitu tahap enaktif, ikonik dan simbolik.

CONTINUE...